

'The Utan' ikon arca baru Sandakan

Mardinah Jikur

SANDAKAN: Ikon arca terbaru bandar ini diperkenalkan kepada umum pada Isnin di pekarangan The Piazza, Sandakan Harbour Square, di sini.

Dalam pencarian ikon dan seni terbaik untuk menunjukkan keunikan dan karakter Sandakan, satu pertandingan arca telah dianjurkan pada tahun lepas dengan penyertaan dibuka kepada seluruh warganegara di negara ini.

Pertandingan berkenaan diadakan bersempena siapnya projek Sandakan Harbour Square (SHS) di pusat bandar, di sini.

Pertandingan itu dianjurkan oleh Ireka Development Management Sdn Bhd selaku Pengurus Pembangunan untuk Sandakan Harbour Square dan ICSD Ventures Sdn Bhd yang juga pemaju Sandakan Harbour Square dengan sokongan Majlis Perbandaran Sandakan yang juga rakan kerjasama usaha pembangunan itu.

Majlis Pelancaran Arca "The Utan" berkenaan disempurnakan oleh Presiden Majlis Perbandaran Sandakan, Datuk Ir. James Wong.

Pelancaran itu juga bersempena Sambutan 50 tahun Sabah Merdeka Dalam Malaysia.

Hadir sama, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Ireka Development Management Sdn Bhd yang juga Pengarah Urusan ICSD Ventures Sdn Bhd, Lai Voon Hon, barisan juri yang telah menilai seni 61 peserta pertandingan arca yang dibuka pada Mac hingga 16

April tahun lepas, pemenang tempat pertama pertandingan yang juga pereka arca berkenaan, Michael Kwa Wei Choon, 28, dan pemenang tempat ketiga pertandingan, Husna Adlyna, ahli majlis, ketua-ketua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan serta hadirin.

Berucap pada majlis itu, James merakam penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan pertandingan dan program berkenaan.

Katanya, dengan ikon dan monumen baharu itu di bandar ini, ia akan menjadi salah satu tarikan baharu kepada pelancong.

Mengenai pembangunan Sandakan Harbour Square dan Harbour Mall Sandakan, James berkata, kawasan berkenaan yang juga menempatkan kedai berjenama dan sebuah

hotel bertaraf antarabangsa, turut menjadi tarikan baharu kepada daerah ini.

Projek Sandakan Harbour Square dimulakan pada tahun 2003 dan dilancarkan Menteri Kewangan ketika itu, Datuk Seri Musa Haji Aman.

Sementara itu, Lai dalam ucapannya berkata, arca berkenaan turut memberi peluang kepada pelancong untuk berkongsi keunikan budaya dan mengenai Sandakan khususnya.

Arca itu yang sinonim dengan pemuliharaan Orang Utan, turut melambangkan Sandakan sebagai destinasi eko-pelancongan yang amat terkenal di Asia Tenggara.

Lai juga merakam penghargaan kepada semua juri dan mereka yang terlibat, dalam menjayakan pertandingan berkenaan.

Barisan juri terdiri daripada James, bekas Ahli Parlimen Sandakan, Datuk Lau Ngan Siew, Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pelancongan Sabah, Datuk John Lim, Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Sabah, Primus Kasun, Pengarah ADC Akitek, Ar. Chris Low Ing Ming, Ketua Pegawai Eksekutif JGP Architect (Singapore), Ar. James Goh dan Pelukis / Pereka Arca, Tommy Chen.

Sementara itu, ketika ditemui pemberita, pereka arca berkenaan, Michael Kwa, 28, yang berasal dari Taiping, Perak, berkata, sebelum membuat arca berkenaan, beliau turut membuat kajian menyeluruh mengenai Sandakan.

Katanya, Sandakan yang terkenal dengan Pusat Pemuliharaan Orang Utan, memberi inspirasi kepadanya untuk membuat kajian lanjut dan mula membuat lakaran Orang Utan dalam bentuk geometri dan abstrak.

Michael Kwa yang juga graduan Seni Kreatif dari Universiti Malaysia Sabah lima tahun lalu kini bertugas sebagai seorang guru di SM Sri Tenby Shah Alam.

Jelasnya, ia merupakan kali kedua beliau berada di Sandakan.

Selaku pemenang tempat pertama, Michael Kwa menerima hadiah utama RM18,000, tempat kedua Daniel Tiong menerima RM5,000, tempat ketiga Husna Adlyna menerima RM3,000 dan lima pemenang saguhati menerima hadiah berupa penginapan 3 hari 2 malam di Four Point By Sheraton, Sandakan.



ARCA 'The Utan'.